

INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
MELAKA

GALAKSI JUARA ENTERPRISE  
(MENDAL PAKSIAN DAN PERALATAN SUKAN)

DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM  
(OSA)

18 OKTOBER 1996





# INSTITUT TEKNOLOGI MARA

## CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh: 26hb. Julai 1996  
Surat Tuan:  
Surat Kami: 100-CM(AKA 37/B)

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka  
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771  
Telefax: 06-563963

### KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma Pentadbiran Awam di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran mereka.

<u>Bil</u>	<u>Nama Pelajar</u>	<u>No. ITM</u>
1.	Mohammed Jadana Abdul Ghani	94482374
2.	Mohd Amin Misran	94519366
3.	Nor Salwati Nordin	94348307
4.	Norazian Salleh	94361402
5.	Lili Husna Omar	94457671

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarikan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

**JASMINE AHMAD**  
Ketua Kursus DPA  
ITM Melaka.  
b/p Pengetua

## **SURAT PENYERAHAN**

Diploma Pentadbiran Awam  
Kajian Pentadbiran dan Undang-undang  
Institut Teknologi MARA  
Cawangan Melaka  
78000 Melaka

Encik Mohamad Nor Othman  
Pensyarah Subjek Asas Keusahawanan  
Institut Teknologi MARA  
Cawangan Melaka  
78000 Melaka

Tuan,

### **Laporan Rancangan Perniagaan**

Merujuk kepada perkara di atas, kami telah diarahkan untuk menyediakan sebuah rancangan perniagaan pada 18 Julai 1996 . Sehubungan dengan itu, kami telah memilih tajuk : '**Galaksi Juara Enterprise**' iaitu sebuah kedai menjual pakaian dan peralatan sukan pelbagai jenama .

2. Pemilihan tajuk ini adalah berdasarkan kepada potensi berdaya maju dan selaras dengan perkembangan industri sukan yang semakin meluas dan menggalakkan .
3. Kami diminta untuk menyerahkan laporan rancangan ini selewat-lewatnya pada 18 Oktober 1996 .

4. Akhirnya diharap agar rancangan perniagaan ini dapat dijadikan garis panduan bukan sahaja kepada kami tetapi sesiapa yang berminat untuk menceburi bidang ini .

Sekian, Terima Kasih .



.....  
( LILI HUSNA OMAR )

.....  
( MOHD. AMIN MISRAN )



.....  
( NOR SALWATI NORDIN )

.....  
( MOHAMMED JADANA ABD. GHANI )



.....  
( NORAZIAN SALLEH )

## 1.0 PENGENALAN

Dunia perniagaan / keusahawanan masa kini adalah sangat mencabar . Walaupun begitu, boleh dikatakan kebanyakannya dipelopori oleh golongan bukan Bumiputera . Menyedari tentang keadaan ini, kumpulan kami telah bercadang untuk menubuhkan sebuah kedai menjual dan mengedar pakaian dan peralatan sukan, memandangkan perkembangan sukan tanahair yang semakin meningkat .

Pemilihan tajuk ini juga adalah berdasarkan kepada beberapa faktor antaranya ; lokasi yang strategik, pasaran terhadap barangan adalah luas kerana di tempat pilihan masih belum mempunyai kedai tersebut dan **tiada mempunyai saingan** yang menyeluruh .

Dengan kata lain, untuk memenuhi impian / hasrat kerajaan dalam menggalakkan penglibatan bumiputra dalam dunia perniagaan, kami telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan '**Galaksi Juara Enterprise**' . Kami percaya penubuhannya akan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat disekitarnya ( **Tampin N. Sembilan** ) . Ini memandangkan daerah tersebut akan berkembang menjadi sebuah bandar perindustrian menjelang tahun **2000**, yang kami rasa bersesuaian dengan penubuhan syarikat kami pada tahun tersebut .